

# Usaha PM dapat sokongan komuniti perniagaan

Daripada BAHAROM MAHUSIN

**CARACAS** 17 Dis. - Tokoh-tokoh perniagaan Venezuela memberikan respons bersemangat kepada usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk meningkatkan penglibatan Malaysia dalam ekonomi negara ini yang merupakan negara pengeluar minyak kelima terbesar dunia.

Pengarah Amerika dan Eropah, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Md. Silmi Abd. Rahman berkata, seramai 170 ahli perniagaan dan pemimpin korporat Venezuela telah mendaftar untuk mendengar ucap-tama Perdana Menteri pada satu majlis makan tengah hari perniagaan yang akan diadakan di sini esok.

Menurut beliau, bilangan penyertaan tersebut merupakan satu pencapaian dramatik kepada kempen Abdullah memasarkan bisnes Malaysia di negara ini memandangkan program itu diadakan menjelang cuti Krismas hujung tahun.

Sebahagian penduduk Venezuela sudah mula bercuti Krismas sejak 15 Disember lalu.

"Kejayaan mendapatkan 170 tokoh perniagaan Venezuela terlibat dalam program

itu menandakan usaha membina hubungan dagang yang lebih pesat dengan negara ini telah bermula. Kita berharap satu lonjakan akan berlaku dalam nilai perdagangan kedua-dua negara," kata Md. Silmi kepada wartawan Malaysia hari ini.

Perdana Menteri akan memberikan ucap-tama pada jamuan makan tengah hari bisnes Malaysia-Venezuela di Hotel Gran Melia di sini esok yang akan turut dihadiri oleh Presiden Hugo Chavez, menteri-menteri Kabinet dan para pemimpin industri Venezuela termasuk eksekutif-kanan syarikat minyak negara PDVSA.

Abdullah tiba di Caracas petang ini dengan diberikan sambutan meriah oleh Presiden Chavez. Persahabatannya dengan Abdullah dijangka merapatkan lagi hubungan diplomatik dan perdagangan dua hala kedua-dua negara.

Lawatan rasmi Perdana Menteri ke negara di utara benua Amerika Selatan ini diadakan ketika kerjasama ekonomi yang lebih pesat dengan negara-negara Asia Timur diberi perhatian oleh Chavez yang sedang menyusun semula ekonomi Venezuela. Venezuela mengalami jurang ekonomi dalam masyarakat yang serupa seperti Malaysia sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan.

Lawatan Abdullah ke Venezuela adalah

UM- 18/12/2006  
sebagai membalas kunjungan rasmi Chavez, 52, ke Kuala Lumpur September lalu. Perdana Menteri diiringi empat orang menteri iaitu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok.

Pada hari Selasa 18 Disember ini Malaysia dan Venezuela menyambut ulang tahun ke-20 hubungan diplomatik kedua-dua negara yang dirintis dua dekad lalu oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tetapi kini dibawa ke satu lonjakan baru oleh Abdullah dan Chavez.

Chavez secara terbuka menyuarakan kekaguman dengan cara pengurusan ekonomi Malaysia yang mempunyai saiz penduduk yang sama banyak dengan Venezuela tetapi telah mencapai kedudukan sebagai negara perdagangan ke-18 terbesar di dunia.

Md. Silmi percaya persahabatan Abdullah dan Chavez akan membuahkan hasil yang positif kepada perdagangan luar Malaysia.

Beliau memberikan contoh bagaimana penglibatan kerajaan China secara aktif dalam perniagaan di negara ini, yang didorong oleh persahabatan para pemimpin China dengan Chavez, telah meningkatkan

pelaburan syarikat-syarikat China di negara ini dan Amerika Selatan.

Statistik menunjukkan dagangan China di Venezuela pada tahun 1997 hanyalah AS\$31 juta tetapi kini ia meningkat mendedak sehingga hampir mencecah AS\$1 bilion, sebahagian besarnya kerana kerajaan Presiden Chavez membenarkan syarikat minyak dari China terlibat dalam tiga projek usaha sama minyak dan gas di negara ini.

Beliau berkata, dengan kerajaan Chavez giat membetulkan struktur ekonomi dan menyusun semula masyarakat di Venezuela, iaitu satu trend ekonomi semasa di Amerika Selatan, syarikat-syarikat Malaysia boleh menggunakan pengalaman DEB di Malaysia untuk bertapak di negara ini.

Nilai eksport produk Malaysia ke Venezuela pada tahun 2003 berjumlah RM54 juta tetapi dalam 10 bulan pertama tahun ini ia meningkat kepada RM136 juta, iaitu pertumbuhan sebanyak 63 peratus.

Menurut Md. Silmi, usaha untuk membaiki pelaburan dan pemasaran produk serta kepakaran Malaysia di Venezuela dan negara-negara lain di Amerika Selatan akan lebih berkesan jika penyertaan syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) Malaysia ditingkatkan dalam pembangunan ekonomi rantau ini.

- Utusan